

>>Suatu hari nanti Kuala Lumpur juga berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan Hyde Park dan juga Central Park

HARIAN METRO

HARIAN METRO

Mercu tanda baru ibu kota



Noor Mohamad Shakil Hameed

roninya selama ini kota raya Kuala Lumpur dan Malaysia tidak mampu dipisahkan sehinggakan ada pelancong yang kadang kala lebih mengenali Kuala Lumpur berbanding Malaysia secara keseluruhannya. Pembangunan pesat bandar raya Kuala Lumpur dengan pelbagai kemudahan bertaraf dunia serta dipenuhi dengan bangunan pencakar langit menyebabkan Kuala Lumpur terus gah di mata dunia. Bagi memastikan status dan kedudukan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia ini terus terpelihara kerajaan dilihat serius dalam melakar pelbagai usaha dan inisiatif agar pembangunan di Kuala Lumpur juga akan selari dengan impian kita untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Terkini pihak kerajaan melancarkan projek Taman Tugu yang bakal melengkapkan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia. Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Razak ketika merasmikan projek ini, Kuala Lumpur sudah berada di landasan betul untuk mencapai taraf tersebut dengan pembangunan taman di tengah-tengah bandar raya yang antara ciri utama bandar berkelas global seperti London yang memiliki Hyde Park dan Central Park yang cukup sinonim dengan New York. Justeru pembangunan projek Taman Tugu bakal merealisasikan impian yang diidamkan itu di mana bila ia siap kelak bakal menghidupkan taman rimba tropika di tengah-tengah bandar raya.

Projek Taman Tugu yang projek taman rimba kota di tengah-tengah ibu negara akan dibangunkan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan pembiayaan sebanyak RM500 juta daripada kos keseluruhan projek RM650 juta. Projek yang dijangka siap pada pertengahan 2018 bakal menampilkan pelbagai

kemudahan bertaraf dunia di beberapa zon khusus meliputi alam sekitar, rekreasi dan pembelajaran. Ia turut merangkumi pusat informasi hutan hujan, tapak perkhemahan, titian silara, kawasan permainan air, laluan jogging, pejalan kaki serta basikal, gazebo, pelantar pemandangan dan kedai makanan.

Taman ini juga dikatakan bakal menempatkan pusat pembelajaran dan inovasi termasuklah sebuah perpustakaan awam, auditorium dan galeri. Di samping itu satu lagi isu menarik dalam projek ini ialah, ia bakal melakar satu transformasi yang hebat kepada simbol sejarah negara kita iaitu Tugu Negara yang sekali gus membuktikan kita tidak pernah melupakan jasa dan perjuangan perajurit dan pahlawan negara yang terkorban dalam mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan tanah air tercinta. Projek ini pastinya terus memberi nafas baru kepada Tugu Negara.

Hakikatnya pada hari ini nama Kuala Lumpur cukup sinonim dan mahsyur dalam kalangan pelancong luar negara. Sebut saja nama Kuala Lumpur majoriti masyarakat dunia mampu mengenalinya. Namun, penulis percaya kehebatan dan kemahsyuran bandar raya ini tidak akan kekal selamanya andai kita terlalu selesa dan terus berpuas hati dengan situasi, pencapaian dan kedudukan sekarang. Hal ini penting kerana bandar raya utama dunia yang lain seperti New York, London dan Paris dilihat semakin berkembang pesat dengan pelbagai persekitaran dan arus pemodenan. Mereka terus berusaha untuk menarik perhatian masyarakat dunia melalui pengwujudan dan pelbagai tawaran kemudahan yang sofistikated tanpa berkompromi terhadap keperluan pesekitaran hijau dalam suasana yang aman, tenang dan damai. Justeru kita perlu memikirkan di mana kedudukan Kuala

Lumpur dalam lima hingga sepuluh tahun yang akan datang?

Maka dalam hal ini kita percaya perancangan projek Taman Tugu yang membabitkan keluasan 26.7 hektar di kawasan hutan rimba tropika di sekitar Tugu Negara ini adalah tepat pada masanya dalam memastikan kelestarian pembangunan dan kecemerlangan Kuala Lumpur terus terpelihara. Hal ini penting kerana kita tidak mahu ibu kota hanya dipenuhi dengan besi, keluli dan batu-bata semata-mata. Kita mahu pemodenan baru sama sekali tidak meminggirkan alam sekitar dan elemen kehijauan dengan menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah ibu kota dalam taman yang tersergam indah dan tersohor di mata dunia. Apakah kita tidak bangga andai suatu hari nanti Kuala Lumpur juga berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan Hyde Park dan juga Central Park.

Justeru kita berharap

semua pihak yang terlibat dalam projek ini dapat memberi kerjasama yang baik agar ia dapat dilaksanakan dan disiapkan sepenuhnya seperti yang dirancang. Untuk itu pihak Khazanah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta organisasi awam dan swasta lain yang terbabit perlu fokus dan memastikan ia disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Dalam pada itu kita juga berharap agar masyarakat akan memahami hasrat pihak kerajaan untuk membangunkan projek ini. Kita perlu perhalusi tujuan dan objektif projek ini sebelum melemparkan sebarang pandangan mahupun maklum balas. Dan jangan sesekali terus, jatuhkan hukuman sebelum menyelami kebaikan yang bakal dibawa oleh projek ini. Cakap-cakap nakal seperti projek mega yang membazir mahupun bakal menjadi gajah putih perlu dielak kerana ia tidak akan

membawa sebarang kebaikan kepada negara secara keseluruhannya.

Kita juga berharap tidak ada pihak yang melihat ini sebagai sebuah projek bersifat politik. Ia wajar dilihat sebagai usaha untuk terus memartabatkan Tugu Negara di samping menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi tumpuan dan pelancongan utama dunia. Perlu diingat kita hanya berbaki kurang dari empat tahun untuk mencapai impian menjadi negara maju maka adalah amat wajar sekali untuk melaksanakan projek seperti ini yang bakal memenuhi salah satu kriteria untuk diiktiraf sebagai sebuah negara maju.

Dalam konteks ini apa yang penting sekarang ialah kita mahu Kuala Lumpur terus gah di persada dunia sebagai ibu kota yang bertaraf global dan layak dikenali sebagai ibu negara sebuah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Sama-samalah kita nantikan detik terindah dan membanggakan itu.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM